

NILAI MORAL DALAM BANGSAWAN TUJUH GONG SAKTI

NORFAZIRAH BINTI KAMARUDIN
Universiti Kebangsaan Malaysia
norfazirahhh@gmail.com

*NUR AFIFAH VANITHA ABDULLAH**
Universiti Kebangsaan Malaysia
nurafifah@ukm.edu.my

* Pengarang Perantara

ABSTRAK

Bangsawan Tujuh Gong Sakti karya Rohani Md. Yousoff telah dipentaskan pada tahun 2011 di Kota Kinabalu, Sabah di bawah arahan Sharip Zainal Sagkif Shek. Pada tahun 2015 skrip ini telah diterbitkan dalam Dewan Sastera dan selanjutnya memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia. Tujuh Gong Sakti pada dasarnya memaparkan dinamik sosial sebuah masyarakat, yang berinspirasikan oleh cerita rakyat masyarakat etnik Dusun di Kota Belud, Sabah. Aspek sosiologi dalam cerita rakyat ini masih belum dikaji secara mendalam sebagai salah satu bahan ekspresi budaya masyarakat tempatan. Oleh itu, kajian ini mengupas aspek nilai moral yang terdapat di dalam Bangsawan Tujuh Gong Sakti (2015) dengan mengaplikasi pendekatan moral yang dikemukakan oleh Elliot Turiel (2002). Kaedah kajian jenis kualitatif dirangka dengan instrumen kajian perpustakaan, dan analisis kandungan. Pelbagai bahan seperti buku, artikel jurnal, tesis, dan skrip dan rakaman pementasan teater Bangsawan Tujuh Gong Sakti telah diteliti untuk memperolehi data. Selain itu temubual dilaksanakan bersama ahli keluarga dan kru produksi teater bangsawan Tujuh Gong Sakti untuk memperolehi data bagi latar belakang skrip dan pementasan teater tersebut. Analisis kandungan turut dilakukan terhadap rakaman teater Bangsawan Tujuh Gong Sakti yang dipentaskan pada tahun 2011. Dapatkan kajian mendapati bahawa aspek nilai moral yang ketara dalam teater Bangsawan Tujuh Gong Sakti (2011) dikekalkan dalam skripnya. Cerita ini sarat memaparkan pelbagai nilai moral seperti masyarakat yang bijaksana, berani, bertanggungjawab, bekerjasama, berkasih sayang, ikhlas, prihatin, rasional, amanah, dan juga berkepimpinan. Subjek teater dan skrip ini memaparkan khazanah budaya dan masyarakat Sabah yang tinggi aspek kebudayaannya.

Kata kunci: Bangsawan Tujuh Gong Sakti (2015); drama Melayu; kritikan drama; nilai moral; Rohani Md. Yousoff,

THE MORAL VALUES IN BANGSAWAN TUJUH GONG SAKTI

ABSTRACT

Bangsawan Tujuh Gong Sakti was written by Rohani Md. Yousoff and directed by Sharip Zainal Sagkif Shek. This play was staged in Kota Kinabalu, Sabah in 2011. Later in 2015, the playwright had this script published in Dewan Sastera and won the Malaysian Premier Literary award the same year. This play portrays the social dynamics of a community, inspired by the Dusun community folklore in Sabah. However, the sociological aspect of this script has yet to

be studied in depth as a cultural expression of the local community. Therefore, this study examines the moral values in Bangsawan Tujuh Gong Sakti (2015) by applying Elliot Turiels' moral approach (2002). A qualitative research design was employed in this study. Library research was the main instrument for examining books, journal articles, theses, and the script as well as the recorded performance of Bangsawan Tujuh Gong Sakti (2015). Interviews were conducted with family members and production crew members of Bangsawan Tujuh Gong Sakti to gather information on the background of the playwright, script and the theatre production. The findings of this study show that moral values are significantly portrayed in Bangsawan Tujuh Gong Sakti (2015). Various moral values such as a society that is wise, brave, responsible, cooperative, loving, sincere, caring, rational, trustworthy, and leadership is highlighted in the subject matter. The subject portrayed in this theatre and script portrays the Sabahans rich values of communal and cultural heritage.

Keywords: Bangsawan Tujuh Gong Sakti (2015); Malay drama; dramatic criticism; moral values; Rohani Md. Yousoff,

PENGENALAN

Rohani Md. Yousoff menghasilkan skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* pada tahun 2011. Drama ini diarah oleh Sharip Zainal Sagkif Shek dan dipentaskan di Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka, Sabah pada tahun yang sama (Sharip Zainal Sagkif Shek, 2021). Skrip ini kemudiannya diterbitkan dalam majalah Dewan Sastera pada tahun 2015 dan memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia dalam kategori eceran bagi tahun 2015 (Syarafina Abdullah 2016; Sofia Jaafar, 2021).

Rohani Md Yousoff menulis drama *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* berinspirasikan sebuah cerita rakyat Kota Belud, Sabah. Cerita rakyat ini telah dipersembahkan dalam Program Tugu Budaya yang dikemudi oleh Sharip Zainal Sagkif Shek. Kemudian, pada tahun 2011, Sharip Zainal Sagkif Shek dan Rohani Md. Yousoff telah bersepakat dan bergabung tenaga untuk memilih dan mementaskan cerita ‘Tujuh Gong Sakti’ sebagai sebuah persembahan bangsawan bagi program yang sama (Sharip Zainal Sagkif Shek, 2021; Sofia Jaafar, 2021).

Skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* sarat mempamerkan nilai-nilai moral yang berlatarbelakangkan masyarakat etnik Dusun di Kota Belud, Sabah (Shahrifuddin Zainal, 2021; Sharip Zainal Sagkif Shek, 2021). Struktur sosial dan nilai masyarakat yang dipaparkan dalam skrip ini sememangnya perlu diberikan perhatian dan diketengahkan sebagai sebuah dokumentasi sastera dan budaya oleh Rohani Md. Yousoff. Hal ini disebabkan penghasilan sesebuah karya merupakan luahan fikiran pengarang tentang rencam kehidupan manusia dan alam persekitarannya yang diadun bersama pengalaman melalui daya kreativiti dan imaginasinya (Che Abdullah Che Ya, 2018). Dalam penulisan skrip drama, mahu pun pementasan teater Melayu budaya masyarakat Malaysia Timur kurang mendapat perhatian. Oleh itu, kajian terhadap skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* ini perlu didalami untuk memahami nilai moral masyarakat tempatan Sabah yang disampaikan oleh Rohani Md. Yousoff.

Bangsawan Tujuh Gong Sakti (2015) oleh Rohani Md. Yousoff merupakan karya yang masih belum dikaji setakat ini. Sehubungan dengan itu, terdapat kelompongan ilmu dalam subjek sosiologi dan nilai masyarakat dalam skrip ini. Untuk itu, kajian ini menghuraikan nilai-nilai moral yang terkandung di dalam pementasan teater arahan Sharip Zainal pada tahun 2011 dan skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015). Perkara ini dilihat penting kerana

penulis adalah individu yang bertanggungjawab dalam mencorakkan sifat watak-watak di dalam sesebuah karya dan merupakan sebahagian daripada ahli komuniti yang diangkat sebagai subjek penulisannya (Mano Sikana 1998). Oleh itu, penulis bertindak sebagai cerminan gambaran hidup masyarakat yang sedikit sebanyak mempengaruhi dalam penghasilan sesebuah karya. Pada masa yang sama, dalam konteks teater, pengarah pula adalah individu yang menghidupkan teks sastera dalam ruang lakon. Dalam konteks *Bangsawan Tujuh Gong Sakti*, kedua-dua penulis dan pengarah memainkan peranan penting dalam pemaparan dinamika serta nilai moral masyarakat tempatan Sabah dalam bentuk persesembahan teater. Oleh yang demikian, objektif makalah ini adalah untuk mengupas aspek nilai moral yang dikemukakan oleh Rohani Md. Yousoff di dalam skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015) dan pementasan teater tersebut yang berinspirasikan masyarakat etnik Dusun di Kota Belud, Sabah.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Terdapat jurang ilmu yang agak ketara bagi skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015). Skrip ini telah memenangi Hadiah Sastera Perdana bagi kategori eceran pada tahun 2015. Walaupun skrip ini sarat dengan cerminan budaya masyarakat tempatan Sabah, namun ia belum lagi dikupas secara ilmiah dari aspek nilai moral yang didukungnya. Teori moral oleh Tureil (2002) yang diangkat sebagai kerangka analisis bagi mengupas skrip ini juga masih kurang pengaplikasiannya untuk mengkaji skrip-skrip drama Melayu. Setakat ini, terdapat sejumlah sorotan kajian lepas yang mengkaji drama Melayu dengan pelbagai kerangka analisis untuk memahami masyarakat yang digambarkan dalam bahan kajiannya. Antaranya ialah Nur Farzana Amali (2020), Syafiqah Shaari dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2020), serta Nurul Marliana Baderol dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2019). Secara umumnya, penulisan-penulisan lepas dalam tempoh waktu tiga tahun terkini cenderung mengaplikasi teori sosiologi sastera terhadap skrip-skrip drama. Bahagian ini akan membincangkan kajian-kajian lepas yang mengangkat skrip drama Melayu untuk meneliti aspek sosiologi. Hal ini dilakukan untuk menggambarkan jurang ilmu dari segi pengaplikasian teori moral sebagai sebuah kerangka analisis untuk mengkaji skrip drama Melayu.

Nur Farzana Amali (2020) dalam penulisan ilmiah yang bertajuk *Sosiologi dalam Skrip Monodrama Menunggu Lampu Hijau karya Hatta Azad Khan* (2020) menumpukan ke atas penulisan-penulisan lepas yang berbentuk ilmiah. Nur Farzana Amali (2020) meneroka persoalan sosial seperti kepengarangan penulis dalam karya, penerapan nilai sosial, dan kritikan sosial masyarakat. Kajian tersebut menggunakan teori sosiologi sastera yang dikemukakan oleh Karl Max dan Frederick Engels. Rekabentuk kajian adalah berbentuk kualitatif dan analisis kandungan sebagai instrumen kajian utama. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Nur Farzana Amali (2020) telah mengetengahkan beberapa nilai sosial masyarakat di dalam skrip tersebut. Nilai-nilai sosial yang dimaksudkan adalah nilai keadilan, nilai kesederhanaan, nilai pemurah, nilai kasih sayang, dan nilai mengutamakan pendidikan. Analisis kritikan-kritikan sosial turut dibincangkan oleh Nur Farzana Amali (2020) berkenaan penelitian pengarang tentang beberapa isu utama seperti rumahtangga, kekeluargaan, dan sosial masyarakat. Selain itu, isu lain yang juga diberikan perhatian adalah berkaitan dengan isu tidak menitikberatkan agama, perspektif serong kepada ibu tunggal, dan masyarakat yang suka mencampuri urusan orang lain. Perbezaan antara kajian Nur Farzana Amali (2020) dan kajian ini adalah dari segi kerangka analisis dan bahan kajiannya. Kajian Nur Farzana (2020) mengaplikasi teori Sosiologi sastera, manakala kajian ini mengaplikasi teori moral yang dikemukakan oleh Tureil (2002). Selain itu, bahan kajiannya kedua-dua kajian ini juga berbeza kerana Nur Farzana Amali (2020) mengkaji teori sosiologi sastera terhadap monodrama

Menunggu Lampu Hijau (2015) sementara kajian ini mengkaji nilai moral dalam skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015).

Syafiqah Shaari dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2020) dalam jurnal artikel yang berjudul *Aspek Sosiologi Dalam Drama Buang Karya Roziah Adama* (2020) menumpukan ke atas penulisan-penulisan lepas berbentuk ilmiah. Rekabentuk kajian menggunakan kaedah kualitatif dan berbentuk fundamental. Syafiqah Shaari dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2020) meneroka persoalan isu masyarakat dan nilai moral melalui skrip drama *Buang* (2015) dengan menggunakan pendekatan sosiologi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa drama *Buang* (2015) adalah gambaran kehidupan masyarakat mengenai isu sosial berkaitan dengan kes jenayah pembuangan bayi, sikap prasangka, penindasan yang lemah. Selain itu, aspek politik mendapati orang atasan dalam pentadbiran yang menyelesaikan segala masalah dengan wang ringgit adalah tergolong dalam golongan orang-orang yang hipokrit. Melalui aspek ekonomi pula turut menunjukkan sisi kehidupan masyarakat dari golongan bawahan yang miskin. Perbezaan antara kajian Syafiqah Shaari dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2020) dan kajian ini adalah dari segi pengaplikasian kerangka analisis dan bahan kajian. Syafiqah Shaari dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2020) mengkaji teori sosiologi sastera terhadap karya skrip drama *Buang* (2015) sementara, kajian ini mengkaji nilai moral terhadap skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015).

Pada tahun 2019, kajian yang bertajuk *Sosiologi dalam Drama Bulan Belum Kelam Karya Roziah Adama* telah dihasilkan oleh Nurul Marliana Baderol dan Nur Afifah Vanitha Abdullah. Rekabentuk kajian menggunakan kaedah kualitatif dan berbentuk fundamental. Nurul Marliana Baderol dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2019) menumpukan skrip drama ini dengan mengetengahkan isu lambakan dan pekerjaan imigran yang berlaku di Malaysia menggunakan pendekatan sosiologi yang dipelopori oleh Karl Marx. Dapatan kajian menunjukkan persoalan penulis mengangkat isu sosial dalam masyarakat seperti kejujuran dalam masyarakat, kepatuhan isteri kepada suami, kasih sayang, masyarakat yang gemar tunjuk-menunjuk, tolong-menolong, kesyukuran, kahwin muda, budaya melepak, dan juga masyarakat yang sanggup melakukan perkara yang dilarang demi mencapai cita-cita. Isu politik didapati merupakan dinamik kuasa antara golongan pemerintah dan diperintah manakala isu ekonomi pula menunjukkan kedaifan tempat tinggal dan jenis pekerjaan warga pendatang Indonesia di Malaysia. Nurul Marliana Baderol dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2019) menjelaskan bahawa drama ini menggambarkan isu-isu sosial, politik dan ekonomi yang sering dihadapi oleh golongan pendatang asing tanpa izin. Persamaan kajian Nurul Marliana Baderol dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2019) dengan kajian ini adalah kedua-duanya menggunakan pendekatan sosiologi sebagai skop kajian. Manakala, perbezaan antara kedua-duanya pula adalah mengenai bahan kajian yang digunakan. Norfazilah Jahudin (2018) mengkaji teori sosiologi sastera terhadap skrip drama iaitu *Bulan Belum Kelam* (2013) sementara, kajian ini mengkaji nilai moral dalam skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan kaedah perpustakaan sebagai instrumen kajian utama, selain temubual serta analisis kandungan. Bahan-bahan seperti artikel jurnal, tesis, dan rakaman *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015) telah diteliti untuk memperolehi data. Sementara itu kaedah temu bual turut diaplikasi dalam kajian ini bagi memperolehi data tentang latarbelakang penulis skrip, skrip dan pementasan Bangsawan Tujugh Gong Sakti. Temubual tersebut dilaksanakan dengan ahli keluarga dan kru produksi teater tersebut kerana penulis skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015) iaitu Rohani Md. Yousoff telah meninggal dunia pada tahun 2017. Informen bagi kajian ini adalah anak Rohani Md. Yousoff untuk memperolehi maklumat mengenai penulis. Selain daripada Sofia Jaafar, informan dalam

kajian ini ialah Syarafina Abdullah iaitu pensyarah teater di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) serta Shahrifuddin Zainal dan Sharip Zainal Sagkif Shek yang merupakan pensyarah teater di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kaedah temu bual yang dijalankan adalah melalui sesi temu bual secara bersemuka dan juga secara atas talian. Kaedah yang dilaksanakan ini adalah bagi membantu dalam proses pengumpulan maklumat kajian. Bagi merungkai objektif kajian terhadap aspek nilai sosial mengenai skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015), terdapat dua langkah yang perlu dituruti. Pertama, bacaan skrip terhadap *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015) dijalankan bagi mendapat gambaran awal secara keseluruhan tentang karya ini. Kedua, skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015) ini dibaca dan dibedah buat kali kedua untuk mengenalpasti nilai-nilai sosial masyarakat yang dipaparkan dengan berpandukan pendekatan moral Elliot Turiel (2006).

KERANGKA ANALISIS PERSPEKTIF NILAI MORAL

Jean Piaget adalah sarjana yang pertama untuk meneliti aspek moral pada tahun 1932, dan merakam penelitiannya dalam bukunya bertajuk, “The Moral Judgement of The Child” (Agus Rahman 2018). Penelitian Piaget, kemudiannya dikembangkan oleh beberapa sarjana lain dalam pelbagai bidang seperti Lawrence Kohlberg (1970an), Carol Gilligan (1982), dan Elliot Tureil (2002). Melalui ‘structural development theory’, Kohlberg seorang seorang pakar psikologi Amerika berpendapat bahawa setiap tingkah laku manusia didasari oleh penilaian moral secara berperingkat oleh individu tersebut. Sementara itu, Gilligan pula mengembangkan teori moral tersebut dalam konteks teori feminis, manakala Tureil pula mengembangkan ilmu Kohlberg dan meneliti perkembangan penilaian dan tingkah laku sosial pada tahun 2002 (Tureil 2002).

Tureil melalui bukunya bertajuk, “The Culture of Morality” (2002), menerangkan bahawa terdapat perkaitan antara moral dan budaya seorang individu. Untuk memahami tingkah laku seorang individu, latar budaya individu berkenaan harus difahami terlebih dahulu. Sehubungan itu, melalui pendekatan yang dikemukakan oleh Eliot Tureil, nilai moral dalam skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015) akan diuraikan dan diperjelas.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian mendapati bahawa pelbagai nilai moral dipaparkan dalam skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015). Skrip ini sangat sarat dengan nilai moral sama ada tersurat maupun tersirat. Nilai-nilai moral individu dan masyarakat dalam skrip ini didasari oleh struktur masyarakat Dusun di Sabah (Zurina Mahadi dan Hukil Sino 2016). Sehubungan dengan itu, perbincangan seterusnya menghuraikan nilai-nilai moral yang terpapar dalam skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015).

Nilai Kebijaksanaan

Nilai kebijaksanaan merujuk kepada kebolehan atau kemampuan menggunakan akal fikiran dalam mengharungi dan menyelesaikan suatu situasi. Kebijaksanaan seseorang boleh diukur melalui daya pemikiran atau cara seseorang itu bertindak. Penulis, Rohani Md. Yousoff menonjolkan sifat kebijaksanaan menerusi watak Atama. Kebijaksanaan Atama menyebabkan dia dilantik sebagai ketua Kampung Kansayan yang baru menggantikan Aki Untan Pikot. Perkara ini disokong oleh kawan baiknya, Tanak Wogu. Tanak Wogu mencadangkan Awantang Atama menjadi ketua kampung yang baharu. Penulis, Rohani Md. Yousoff menonjolkan sifat kebijaksanaan menerusi watak Atama. Atama didapati bijak kerana dia

merupakan individu yang tangkas berlawan dan mahir dalam ilmu mempertahankan diri. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui beberapa petikan skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015) yang berikut.

TANAK WOGU: Bukan sebab dia kawan hamba, tetapi ketika kami berguru dahulu, dia antara murid Aki Untan Pikot, Atamalah yang paling disayangi guru. Dia pintar berfikir dan pantas melawan. Rasa kami, jika Aki masih hidup, Awantang Atamalah yang akan dipilih guru sebagai penggantinya. Malahan, gelaran 'Atama' itu diberi oleh Aki kepada Awantang.

(Rohani Md. Yousoff, Oktober 2015: 68)

Petikan skrip berikut menunjukkan penulis menonjolkan nilai kebijaksanaan dalam diri Atama melalui kemahirannya dalam ilmu mempertahankan diri. Atama sememangnya merupakan anak murid kesayangan Aki Untan Pikot ketika mereka berguru dahulu. Cadangan yang diberikan oleh Tanak Wogu mendapat sokongan dan persetujuan daripada seluruh warga kampung. Atama didapati seorang pemuda yang paling layak untuk memimpin jawatan tertinggi di Kampung Kansayan dan seterusnya, menjadi pemegang kunci rumah gong sakti yang baru.

(Rogan-rogon terjaga. Mereka mula berlawan dengan ATAMA, TANAK WOGU dan APARU. APARU terkena pukulan dan cedera. ATAMA yang sudah faham kuasa tongkat sakti, mematahkan tangan-tangan dan membutakan mata rogan-rogon sehingga mereka tewas dengan kuasa tongkat sakti. Sambil mereka menjerit kesakitan ATAMA mengangkat gong-gong dan membantu TANAK WOGU memapah APARU keluar, tetapi terlalu sukar. ATAMA memandang ke arah SUMANDAK ALAWA).

(Rohani Md. Yousoff, November 2015: 65)

Selain daripada itu, petikan ini jelas membuktikan bahawa Atama seorang yang bijak dan cekap berlawan. Hal ini dikatakan demikian kerana Atama berjaya menewaskan makhluk-makhluk rogon. Atama berupaya mematahkan tangan dan membutakan mata makhluk-makhluk rogon tersebut dengan menggunakan kuasa tongkat saktinya. Walaupun Atama masih belum menguasai sepenuhnya kuasa tongkat sakti, dia mudah faham cara untuk mengendalikan kuasa tongkat sakti. Dengan kebijaksanaan Atama, dia berjaya menewaskan makhluk-makhluk rogon dan membawa keluar gong-gong sakti yang dicuri dari alam rogon seterusnya, membawa pulang ke Kampung Kansayan. Bayangkan, tanpa kebijaksanaan seseorang itu berlawan, lebih-lebih lagi orang harapan kampung atau lebih tepat lagi pemimpin kampung, pastinya orang itu mudah tewas dikalahkan oleh pihak musuh. Oleh itu, menjadi orang kepercayaan kampung bukanlah perkara yang mudah, kebolehan yang dimiliki seseorang itu perlulah dinilai dengan sebaiknya. Kebijaksanaan dalam diri yang ditunjukkan oleh watak Atama sememangnya antara nilai yang diperlukan dalam diri seorang pemimpin yang baik.

Nilai Keberanian

Nilai keberanian menggambarkan kesanggupan individu menghadapi cabaran dengan penuh yakin dan juga berani mengambil risiko. Atama bertindak berani kerana mengherdik dan mengacukan parang ke arah Rogon Besarmata supaya melepaskan Sumandak Alawa. Sebagai seorang ketua kampung, Atawa semenangnya tidak gentar untuk berhadapan dengan makhluk rogon yang hodoh dan menakutkan. Secara tidak langsung, Atama berjaya menyelamatkan perempuan yang disakiti oleh makhluk rogon tersebut. Sebagai seorang lelaki yang sejati,

Atama tidak tergamak melihat seorang gadis yang dianiaya dan dikasari. Sifat kelelakian Atama mula tercabar apabila melihat perkara itu berlaku di hadapan matanya. Oleh disebabkan itu, Atama bertindak berani untuk menentang makhluk rogon demi menyelamatkan gadis tersebut.

Menerusi skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015) yang dihasilkan oleh Rohani Md. Yousoff, nilai keberanian jelas dapat ditunjukkan melalui watak yang dibawa oleh Atama, ketua Kampung Kansayan. Atama digambarkan sebagai seorang yang sangat berani menentang dan berlawan dengan semangat jahat atau dikenali sebagai rogon. Selain itu, Atama juga turut berani membunuh sesiapa yang dikatakan boleh menggugat keamanan dan kesejahteraan Kampung Kansayan. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan skrip dan hujah yang dinyatakan pada perenggan berikut.

*ATAMA (mengambil parang di sebelah tempat tidurnya): Hoi. makhluk durjana!
Lepaskan dia, sebelum hamba...*

*ROGON BESARMATA: Ciiis! Siapa kau? Berani kau masuk campur dalam hal aku.
Sudah pasti seruan ajalmu di tanganku ini.*

ATAMA: Berbicara biarlah sepadan dengan wajahmu, wahai makhluk celaka. Agar kata-katamu tidak memberahkan parangku melihat percikan darah di lehermu.

(Rohani Md. Yousoff, Oktober 2015: 70)

ATAMA: Tidak. Hamba tidak akan pancung kepala sepupu Sumandak Alawa, tetapi hamba memberikan amaran padamu, Arat. Jika bayangmu melintas di kawasan Kansayan ini, akan hamba pancung tanpa soal siasat. Sekarang pergi jauh dari sini. Pergi!

(Rohani Md. Yousoff, November 2015: 67)

Melalui watak Atama dalam petikan skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015), penulis sering kali menonjolkan nilai keberanian. Buktinya, Atama memberi amaran keras kepada Arat supaya tidak kembali ke Kampung Kansayan. Jika tidak, Arat perlu dihukum bunuh. Hal ini dikatakan demikian kerana kehadiran Arat hanya lebih mengeruhkan lagi keadaan dan hanya mengundang perbalahan. Atama sememangnya seorang yang berani dan tegas dalam setiap tutur katanya. Situasi ini jelas menunjukkan penulis menggambarkan bahawa watak Atama mempunyai sifat yang berani dan tegas supaya musuh berasa gerun terhadap dirinya dan tidak berani untuk mengganggu keamanan kampungnya iaitu Kampung Kansayan.

Nilai Bertanggungjawab

Nilai bertanggungjawab sangat ketara dipaparkan melalui watak Atama. Watak Atama merupakan seorang individu yang bertanggungjawab terhadap pekerjaannya sebagai ketua kampung. Sebagai seorang ketua kampung, Atama sanggup berkorban diri untuk melaksanakan Amanah yang dipikulnya. Sikap Atama ini dapat diperhatikan melalui petikan dialog skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015) yang berikut.

ATAMA (kesal degan kata-katanya tadi): Apakah yang telah aku katakan ini? Maafkan hamba, Ina'. Tiada niat dihati hamba untuk berkata demikian rupa. Demi tanggungjawab yang diamanahkan hamba rela, hamba rela beratap kemboja di kuburan.

(Rohani Md. Yousoff, Oktober 2015: 69)

Walaupun Atama hidup senang dengan harta dan pangkatnya, Atama bertekad untuk menjaga amanat dan kepercayaan yang diberikan oleh penduduk kampung terhadapnya dengan baik. Atama didapati sanggup berkorban demi keamanan Kampung Kansayan yang tercinta walaupun dirinya terpaksa bertarung nyawa. Walaupun harta, kuasa dan kedudukan sosial berupaya membuatkan seseorang lalai dengan tanggungjawabnya tetapi Atama memiliki sifat tanggungjawab yang tinggi dan niat yang tulus ikhlas dalam membantu membangunkan taraf kehidupan dan keharmonian masyarakatnya. Bagi Atama, peranannya sebagai ketua kampung perlu diberi perhatian bagi menjaga pentadbiran Kampung Kansayan. Bagi Atama, dia harus mengutamakan kebaikan penduduk kampung berbanding kesenangan harta yang diperoleh melalui kedudukannya.

Selain itu, Atama menunjukkan nilai bertanggungjawab terhadap ibunya iaitu Ina'. Buktinya adalah Atama membawa ibunya tinggal bersama-sama di kediamannya yang baharu dan berbakti kepada ibunya. Meskipun Atama memiliki status sosial tertinggi dalam masyarakatnya sebagai ketua kampung Kansayan, watak ini tidak lalai dengan kewajiban dan tanggungjawab terhadap ibunya. Atama sanggup menjaga dan memberikan kehidupan yang lebih selesa kepada ibunya. Jelaslah bahawa Atama sememangnya seorang anak yang sangat baik dan bertanggungjawab terhadap ibunya.

Nilai Bekerjasama

Nilai bekerjasama dapat menjalinkan hubungan yang harmoni. Hubungan yang harmoni berupaya membentuk masyarakat yang bermuafakat. Nilai bekerjasama terdiri daripada sikap tolong-menolong, bantu-membantu dan saling hormat-menghormati. Untuk itu, sikap-sikap yang baik ini perlu diaplikasi dalam kehidupan bermasyarakat. Menerusi petikan skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015), nilai bekerjasama ini jelas ditonjolkan melalui perwatakan watak Atama, Tanak Wogu, dan Aparu. Kerjasama yang ditunjukkan adalah dari segi patuh kepada arahan ketua dan juga menghormati keputusan yang dibuat oleh seorang ketua. Nilai kerjasama ini juga dapat dicapai melalui komunikasi yang baik sesama ahli masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap ahli masyarakat perlu bersepakat untuk mencapai matlamat membawa kembali gong-gong sakti yang telah hilang. Sikap ini sangat penting demi menyelesaikan sesebuah tugas berkumpulan dan selanjutnya mengembalikan maruah kelompok masyarakatnya. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini juga tidak ada ruang bagi sikap pentingkan diri sendiri, mahupun keegoan untuk menunjukkan siapa yang lebih kuat dan berkuasa. Segala keputusan dibincangkan Bersama dan Tindakan dilaksanakan mengikut kelebihan masing-masing. Sikap bekerjasama ini dapat dibuktikan dalam petikan skrip yang berikut.

ATAMA (kepada rakan-rakan): Pulang dahulu dengan gong itu, hamba ikut rogon-rogon itu ke alam mereka.

TANAK WOGU/APARU (berkata serentak): Tidak. Kami akan ikut bersama-sama. Kami sorokkan gong ini terlebih dahulu.

ATAMA: Tidak, nanti hilang lagi gong itu. Lihat rogon itu mula bergerak.

(TANAK WOGU dan APARU keluar dengan gong).

(ATAMA berlari ke arah ROGON-ROGON).

(Rohani Md. Yousoff, November 2015: 63)

Berdasarkan petikan skrip tersebut, nilai kerjasama yang ditonjolkan oleh watak Atama, Tanak Wogu, dan Aparu. Kerjasama yang ditunjukkan adalah dari segi patuh kepada arahan ketua. Dalam misi pencarian gong-gong sakti, mereka bertindak pantas dan sanggup memberikan kerjasama yang baik kepada ketua. Sebagai ahli pasukan, Tanak Wogu dan Aparu perlulah mengikut arahan yang diberikan oleh Atama. Untuk itu, setiap ahli pasukan perlulah menghormati arahan daripada ketua. Kemampuan berkomunikasi sesama ahli pasukan juga sangat penting dalam sesebuah pasukan. Kerjasama itu diibaratkan sebagai elemen utama kerana ia merupakan kunci kejayaan dalam sesebuah pasukan. Perkara ini dikatakan sangat penting kerana kerjasama yang baik perlu diberikan sepenuhnya dalam sesebuah pasukan, lebih-lebih lagi menjalankan misi yang boleh meragut nyawa.

Nilai Kasih Sayang

Nilai kasih sayang merujuk luahan perasaan atau emosi terhadap sesuatu yang melibatkan suasana, sikap dan harapan terhadap seseorang atau sesuatu yang lain (Jumali Selamat 2012). Di dalam skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015), elemen kasih sayang ini dapat ditonjolkan melalui hubungan antara watak Aparu dengan Bimbizangan. Aparu dan Bimbizangan merupakan pasangan kekasih. Selepas Atama menjadi ketua kampung, Aparu semestinya akan membantu kawan baiknya, Atama. Pada awalnya, berlaku sedikit perselisihan faham antara mereka berdua. Namun demi menjaga hubungan mereka, Aparu cuba menyakinkan Bimbizangan mengenai kasih dan sayangnya terhadap Bimbizangan. Petikan skrip karya Rohani Md. Yousoff berikut ini dapat menjelaskan kenyataan tersebut.

BIMBIZANGAN: Yalah, kalau terlalu sibuk dengan pentadbiran kampung, sudah tentu tidak ada masa untuk hamba.

APARU: Bolehkah hamba menahan rindu? Bolehkah hamba tidak melihat wajahmu walau sehari pun? Tidak mungkin! Paras rupa inilah yang menjadi ilham hamba. Sehari tidak terpandang, seribu hari rasanya.

(Rohani Md. Yousoff, Oktober 2015: 69)

Petikan skrip berikut jelas menunjukkan bahawa hubungan Aparu dan Bimbizangan mengalami fasa yang dingin. Hal ini dikatakan demikian kerana Bimbizangan berasa sedih kerana Aparu bakal sibuk menjadi orang kanan kawan baiknya, Atama yang berjaya dilantik sebagai ketua kampung. Namun begitu, setelah Aparu memujuk Bimbizangan, Bimbizangan mula akur. Atas nilai kasih sayang Bimbizangan kepada Aparu, akhirnya Bimbizangan menerima dengan hati yang terbuka dan merelakan Aparu menjalankan tugasnya demi berbakti kepada Kampung Kansayan. Bimbizangan diibarat ‘tidak bertepuk sebelah tangan’ kerana perasaan kasih dan sayang Aparu terhadap Bimbizangan dibalas. Aparu berjanji untuk berkahwin dengan Bimbizangan apabila tiba waktu yang tepat. Aparu sangat menyayangi kekasihnya, Bimbizangan. Situasi tersebut dapat dilihat apabila Aparu meluahkan rasa kasih dan rindunya pada Bimbizangan. Walaupun Aparu sibuk membantu Atama dalam pentadbiran kampung, namun kasih sayangnya terhadap Bimbizangan tidak akan pudar. Aparu sangat berharap supaya Bimbizangan sentiasa bersabar dan setia menunggu dirinya.

Nilai Keikhlasan

Keikhlasan merupakan satu nilai yang melambangkan kesucian dan kebersihan hati seseorang. Watak Atama didapati mempunyai nilai keikhlasan. Hal ini dikatakan demikian kerana Atama bertindak untuk menjadikan Sumandak Alawa sebagai isterinya walaupun Atama sedia

maklum bahawa Sumandak Alawa adalah makhluk rogon. Selain itu, keikhlasan dalam diri Atama dilihat melalui situasi dia memberitahu penduduk kampung bahawa bakal isterinya adalah bukan seorang manusia. Kesan daripada keikhlasan hati Atama menyebabkan kisah sebenar terungkai apabila seorang perempuan tua iaitu salah seorang penduduk Kampung Kansayan sendiri memaklumkan bahawa Sumandak Alawa adalah seorang manusia.

Asalnya, Sumandak Alawa adalah anak Aki Untan Pikot iaitu mantan ketua Kampung Kansayan. Isteri Aki Untan Pikot meninggal dunia kerana terlalu sedih apabila kehilangan anaknya yang diculik oleh makhluk rogon dan dibuat hamba suruhan. Tambahan pula, rupa paras Sumandak Alawa juga sama seperti arwah ibunya. Nama sebenarnya ialah Sumandak, tetapi digelar Alawa oleh Aki Untan Pikot. Kebetulan gelaran ‘Alawa’ diberi oleh Atama kepada Sumandak Alawa. Setelah mendengar cerita sebenar, barulah seluruh penduduk kampung bersetuju mereka dikahwinkan. Di dalam skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015), penulis membentuk nilai keikhlasan dalam hati watak Atama melalui niatnya memperisterikan makhluk rogon. Tanpa Atama sedari, dia sudah jatuh cinta kepada makhluk rogon, Sumandak Alawa dan membawa Sumandak Alawa pulang ke Kampung Kansayan untuk memperisterikannya. Perkara tersebut dapat dibuktikan melalui petikan skrip di bawah ini.

OSIAU: Rogon? Inikah rupa sebenar rogon? Macam manusia biasa juga. Setahu hamba rupa rogon sangat buruk. Pelik, kenapa bawa dia ke sini? Adakah dia tahanan tuan hamba? Kalau tahanan mengapa dia tidak diikat?

ATAMA: Maafkan hamba, Osiau. Hamba bukan berniat untuk membuat dia tahanan atau hamba tetapi....

KOKITO: Tetapi apa, Atama?

ATAMA: Hamba ingin memperisterikannya.

(Semua orang terkejut).

(Rohani Md. Yousoff, November 2015: 66)

Berdasarkan petikan skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015), penulis memperlihatkan nilai keikhlasan hati Atama yang ingin memperisterikan Sumandak Alawa, meskipun pada awalnya, Atama tahu bahawa bakal isterinya itu bukanlah seorang manusia tetapi makhluk rogon. Keikhlasan hati Atama juga ditonjolkan apabila dia menyatakan perkara sebenar tentang Sumandak Alawa kepada penduduk kampung. Peristiwa ini menyebabkan kebenaran hakikat mengenai Sumandak Alawa terungkai, sekaligus membuatkan hubungan mereka direstui oleh seluruh penduduk kampung. Perkara ini membuktikan bahawa keikhlasan dalam diri seseorang bukanlah suatu perkara yang sia-sia kerana sesuatu keajaiban atau kebahagian pasti akan muncul pada kemudian masa.

Nilai Keprihatinan

Prihatin bererti sifat yang mengutamakan kebijakan orang lain demi kesejahteraan masyarakat. Sikap prihatin penting diamalkan oleh setiap individu agar melahirkan masyarakat yang penyayang dan juga sentiasa cakna dengan isu semasa yang berlaku. Di dalam skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015), nilai masyarakat yang prihatin dapat ditonjolkan menerusi watak Tanak Wogu apabila dia mengajukan soalan tentang masa depan Kampung Kansayan. Hal ini dikatakan demikian kerana Kampung Kansayan telah kehilangan seorang ketua kampung yang mereka sayangi. Oleh itu, penduduk kampung perlu bersatu hati mencari

pengganti ketua kampung yang baru supaya pentadbiran kampung dapat diteruskan kembali. Perkara tersebut dapat dibuktikan melalui petikan skrip di bawah ini.

TANAK WOGU: Maafkan hamba atas bicara lancang hamba; hamba tidak membawa maksud hendak menyakiti hati rakyat Kansayan sekalian, tetapi boleh hamba tahu, siapakah yang akan menjadi pengganti ketua kampung kita ini? Bukankah sudah menjadi adat kita, apabila seorang ketua meninggal dunia, tempatnya digantikan oleh anaknya. Malangnya, Aki Untan Pikot tiada pewaris.

(Rohani Md. Yousoff, Oktober 2015: 67)

Petikan skrip tersebut menunjukkan bahawa watak Tanak Wogu sangat prihatin mengenai isu Kampung Kansayan. Perkara ini dapat dilihat apabila Tanak Wogu sangat menjaga hati penduduk kampung. Tanak Wogu berhati-hati dalam menyusun kata-katanya untuk bertanya mengenai penganti ketua kampung Kansayan yang baru. Walaupun kematian mantan ketua kampung masih baharu, namun penduduk Kampung Kansayan perlulah memikirkan arah tuju masa depan kampung. Menurut adat masyarakat Kampung Kansayan, apabila seorang ketua kampung meninggal dunia, tempatnya perlu digantikan oleh anaknya. Oleh disebabkan mantan ketua kampung tidak meninggalkan waris, penduduk kampung perlu berbincang untuk melantik individu yang layak menjadi ketua Kampung Kansanya yang baru. Sikap prihatin yang digambarkan oleh penulis iaitu Rohani Md. Yousoff jelas mencerminkan hati nurani seseorang di samping, mempamerkan nilai bersopan-santun dalam diri individu.

Nilai Rasional

Nilai rasional merujuk kepada kebolehan berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata serta dapat membuat tindakan yang berdasarkan pertimbangan yang wajar. Berfikir secara rasional turut penting dalam diri individu atau masyarakat. Nilai rasional perlu diperaktikkan oleh setiap individu agar melahirkan masyarakat yang bijak dalam membuat sebarang keputusan. Di dalam skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015), nilai masyarakat yang rasional dapat ditonjolkan menerusi watak Aparu apabila dia cuba menenangkan rakannya, Tanak Wogu yang ingin membunuh orang yang mencuri gong sakti Kampung Kansayan. Aparu menasihati rakannya untuk bertenang dan jangan mudah bertindak tanpa usul periksa. Perkara tersebut dapat dibuktikan melalui petikan skrip di bawah ini.

TANAK WOGU: Cis, tak gua! Rupa-rupanya kaulah yang mencuri gong sakti kami. Ayuh aku muh pancung kepala kau sekarang.

APARU: Sabar Tanak, jika dilihat daripada gayanya, dia adalah seorang wanita yang baik, malah cantik pula tu. Ini satu antara gong yang hilang. Di manakah empat lagi gong yang lain?

(Rohani Md. Yousoff, November 2015: 62)

Berdasarkan petikan skrip tersebut, Rohani Md. Yousoff menonjolkan nilai rasional dalam diri watak Aparu. Perkara ini dapat ditunjukkan melalui peristiwa Atama, Aparu dan juga Tanak Wogu mencari gong-gong sakti yang hilang dan terserempak dengan seorang gadis cantik yang memegang gong sakti. Akibat faktor kepenatan dalam misi pencarian gong-gong sakti, Tanak Wogu bertindak di luar kawalan dan hampir membunuh gadis cantik tersebut. Situasi ini menyebabkan Aparu menghalang rakannya itu daripada mencederakan gadis cantik tersebut. Penulis menunjukkan bahawa watak Aparu berfikiran rasional dan juga pandai mengawal situasi. Lebih-lebih lagi, hal yang melibatkan kaum yang lemah. Secara ringkasnya,

berfikiran rasional amat penting dalam apa jua keadaan supaya kita tidak bertindak melulu tanpa meneliti latar belakang seseorang itu sehingga boleh mengakibatkan diri sendiri binasa.

Nilai Amanah

Amanah adalah sikap bertanggungjawab yang menimbulkan kepercayaan dan juga keyakinan orang lain atau melaksanakan tugas dengan penuh bertanggungjawab. Sifat amanah merupakan sifat yang sangat mulia dan tinggi nilainya. Sikap ini sangat penting untuk diterapkan dalam diri individu agar melahirkan masyarakat yang dapat memegang amanah dengan baik. Di dalam skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015), nilai masyarakat yang berpegang kepada amanah dapat ditonjolkan menerusi watak Atama, Aparu, dan Tanak Wogu. Mereka sangat berpegang kepada amanah yang diberikan oleh penduduk Kampung Kansayan. Buktinya, mereka berjaya membawa pulang kembali gong-gong sakti yang telah hilang ke Kampung Kansayan. Perkara tersebut dapat ditunjukkan melalui petikan skrip di bawah ini.

(Kawasan kampung).

(Orang-orang kampung bergembira melihat ATAMA dan rakan-rakannya).

(Rohani Md. Yousoff, November 2015: 66)

Petikan skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015) tersebut menunjukkan bahawa penduduk kampung sangat gembira melihat Atama, Aparu, dan Tanak Wogu pulang dengan selamat dan berjaya kembali bersama gong-gong sakti ke Kampung Kansayan. Peristiwa ini membuktikan Atama dan juga rakan-rakannya mempunyai nilai amanah dalam diri. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka amat berpegang kepada amanah. Buktinya, demi amanah dan tugas yang diberikan, Atama dan rakan-rakannya sanggup bergadai nyawa melawan makhluk-makhluk rogon sehingga berjaya membawa pulang kesemua gong yang dicuri. Perkara ini menunjukkan bahawa seseorang yang berpegang kepada amanah akan berusaha sedaya upaya untuk memenuhi dan mengkotakan janji-janya.

Nilai Kepimpinan

Nilai kepimpinan merupakan nilai yang perlu ada dalam diri seseorang pemimpin. Tanpa kepimpinan yang bagus, matlamat menjadi tidak jelas, malah perancangan pula tidak dapat dibentuk atau dilaksanakan. Oleh itu, nilai kepimpinan sememangnya amat penting. Menerusi skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015) yang dihasilkan oleh Rohani Md. Yousoff, nilai kepimpinan jelas ditunjukkan melalui watak yang dibawa oleh Atama, ketua Kampung Kansayan. Atama mempunyai daya kepimpinan dalam pasukannya. Atama mengetuai misi pencarian gong-gong sakti milik Kampung Kansayan yang hilang. Nilai kepimpinan yang dapat diketengahkan adalah melalui cara seorang ketua memberikan arahan dan juga cara seorang ketua mengatur strategi dalam pasukannya. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan skrip dan hujah yang dinyatakan pada perenggan yang berikut.

ATAMA (kepada rakan-rakan): Pulang dahulu dengan gong itu, hamba ikut rogon-rogon itu ke alam mereka.

TANAK WOGU/APARU (berkata serentak): Tidak. Kami akan ikut bersama-sama. Kami sorokkan gong ini terlebih dahulu.

ATAMA: Tidak, nanti hilang lagi gong itu. Lihat rogon itu mula bergerak.

(TANAK WOGU dan APARU keluar dengan gong).

(ATAMA berlari ke arah ROGON-ROGON).

(Rohani Md. Yousoff, November 2015: 63)

Berdasarkan petikan skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015) berikut, penulis menonjolkan watak Atama yang mempunyai semangat kepimpinan dalam pasukannya. Nilai kepimpinan yang ditonjolkan oleh watak Atama adalah dari segi cara seorang ketua mengeluarkan arahan kepada ahli pasukannya. Buktinya, Atama mengerahkan supaya Aparu dan Tanak Wogu segera bertindak mengikut arahan. Selain itu, nilai kepimpinan yang ditunjukkan oleh watak Atama adalah dari segi cara seorang ketua mengatur strategi berlawan. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam sesebuah situasi yang mencemaskan, ketua perlu memimpin dan bijak dalam pencaturan strategi untuk pasukannya bertindak. Secara tidak langsung, perkara ini boleh menjaga keselamatan setiap ahli pasukannya. Buktinya, situasi apabila Atama memberikan buah fikiran kepada rakan-rakannya supaya membawa pulang gong sakti dahulu ke Kampung Kansayan. Manakala, Atama perlu mengikut rogon-rogon ke alam mereka untuk mencari gong-gong sakti yang lain. Tanak Wogu dan Aparu perlu mendengar nasihat dan arahan ketuanya demi menyelamatkan gong-gong sakti daripada dirampas kembali oleh makhluk rogon. Melalui situasi tersebut, perkara yang dipamerkan oleh Rohani Md. Yousoff adalah semangat kepimpinan menerusi watak Atama dalam skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015).

KESIMPULAN

Skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015) karya Rohani Md. Yousoff sememangnya banyak mengetengahkan nilai moral menerusi struktur sosial yang berinspirasikan masyarakat etnik Dusun di Kota Belud, Sabah. Skrip ini terbukti sarat dengan nilai moral sama ada secara tersurat mahupun tersirat. *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015) mengetengahkan pelbagai jenis nilai moral antaranya masyarakat yang bijaksana, berani, bertanggungjawab, bekerjasama, berkasih sayang, ikhlas, prihatin, rasional, amanah, dan juga berkepimpinan. Analisis nilai-nilai tersebut dapat dibuktikan melalui watak dan perwatakan yang terdapat di dalam skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015). Nilai-nilai moral ini adalah aspek kemanusiaan yang relevan dalam kehidupan bermasyarakat. Aspek pengajaran dalam skrip ini berupaya mendidik masyarakat untuk menjalani kehidupan yang berpandukan kepada norma-norma yang positif. Di samping itu, secara tidak langsung, Rohani Md. Yousoff berjaya mengangkat martabat dan kehidupan masyarakat di negeri Sabah melalui karya skrip *Bangsawan Tujuh Gong Sakti* (2015).

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada informan-informan kajian ini terutamanya Sofia Jaafar, Sharip Zainal Sagkif Shek, Syarafina Abdullah, dan Shahrifuddin Zainal kerana sudi meluangkan masa dan menyumbangkan maklumat dalam kajian ini.

RUJUKAN

Che Abdullah Che Ya. Manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam *Bedar Sukma Bisu* daripada perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*. 17 (2) 2018: 328-342.

- Jumali Selamat. 2012. Analisis nilai murni dalam *Seteguh Karang*. *ATAVISME* 15(2): 197-207.
- Mana Sikana. 1998. *Teori dan pendekatan kritikan sastera moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Nur Azlin Matsom dan Zubir Idris. Gambaran masyarakat istana dalam *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam*. *Jurnal Melayu*. Isu Khas Disember 2020: 614-628.
- Nur Farzana Amali. 2020. Sosiologi dalam skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* karya Hatta Azad Khan. Sarjana Muda Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Marliana Baderol dan Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2019. Sosiologi dalam drama *Bulan Belum Kelam* karya Roziah Adama. *Jurnal Wacana Sarjana* 3(3): 1-17.
- Rohani Md. Yousoff. 2015. Bangsawan Tujuh Gong Sakti. *Dewan Sastera*, November.
- Rohani Md. Yousoff. 2015. Bangsawan Tujuh Gong Sakti. *Dewan Sastera*, Oktober.
- Sudirman Shomary. Hubungan social dan politik Johor-Riau dengan Kalimantan Barat: perspektif historiografi tradisional Melayu. *Jurnal Melayu* 18(2) 2019: 179-192.
- Syafiqah Shaari dan Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah. 2020. Aspek sosiologi dalam drama *Buang* karya Roziah Adama. *Jurnal Wacana Sarjana* 4: 1-14.
- Syarafina Abdullah. 2016. Women theatre directors in Malaysia: A comparative study of Rohani Md. Yousoff and Fauziah Nawi. Tesis Sarjana Teknologi Kreatif dan Artistik, Universiti Teknologi MARA.
- Turiel, E. (2002). *The culture of morality: social development, context and conflict*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Turiel, E. (2008). Thought about actions in social domains: Morality, social, conventions, and social interactions. *Cognitive Development* (2008): 136–154.
- Zurina Mahadi dan Hukil Sino. 2016. Hubungan nilai masyarakat & pembangunan: Satu analisa. *Jurnal Pengajian Umum* 8: 77-94.

Biodata Penulis:

Nurfazira binti Kamarudin adalah pelajar yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Persuratan Melayu) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 2022.

Nur Afifah Vanitha binti Abdullah (PhD) adalah Pensyarah Kanan, Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Drama dan Teater, serta Kajian Seni Persembahan.